



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
JUMAAT 7 MAC 2025

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	SANTAN MAHAL SEBAB HARGA KELAPA MELONJAK, DEWAN RAKYAT, HM -16	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	TERIMA 60 TAN METRIK KELAPA TUA IMPORT, LOKAL, HM -17	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
3.	KENAIKAN HARGA KELAPA IMPORT PUNCA HARGA SANTAN NAIK, NEGARA, KOSMO -8	
4.	FAMA BAWA MASUK 60 TAN KELAPA, NEGARA, KOSMO -14	
5.	DUA KAWASAN BAHARU PENANAMAN PADI DIBUKA, LOKAL, HM -17	LAIN-LAIN
6.	PERUNTUK RM2 JUTA TAMBAH KAWASAN TANAM PADI DI JOHOR, NEGARA, KOSMO -13	
7.	JOHOR SASAR TAMBAH 80 HEKTAR SAWAH, NASIONAL, BH -20	
8.	JOHOR TAMBAH SAWAH PADI 80 HEKTAR, DALAM NEGERI, UM -28	
9.	RAIH 5,000 SEBULAN HASIL TANAMAN KONTAN DI TANAH WAKAF MAIDAM, BESUT, SH -27	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

7/3/2025

HARIAN  
METRODEWAN  
RAKYAT

16

## Santan mahal sebab harga kelapa melonjak

**Kuala Lumpur:** Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) memaklumkan lonjakan harga produk berasaskan kelapa, terutama santan bukan berpunca akibat kekurangan bekalan bahan itu.

Sebaliknya, Menteri, **Datuk Seri Mohamad Sabu**, berkata ia disebabkan beberapa faktor utama, antaranya peningkatan harga kelapa di pasaran, sejak November 2024.

Peningkatan harga itu katanya, berpunca daripada kenaikan harga kelapa import dari Indonesia berikutan kekurangan bekalan serta peningkatan eksport kelapa Indonesia ke China, sekaligus memberi kesan kepada harga kelapa tempatan berikutan permintaan lebih tinggi.

Beliau berkata, trend petani tempatan yang lebih cenderung menjual kelapa muda, berbanding kelapa tua turut menyumbang kepada bekalan tidak mencukupi untuk pemprosesan santan.

"Kebanyakan penanam kelapa di dalam negara ini memilih untuk menjual kelapa muda kerana faktor harga lebih tinggi dan tempoh tuaian lebih singkat.

"Faktor cuaca seperti kemarau dan banjir juga memberi kesan kepada pengeluaran kelapa di lajang," katanya ketika sesi Pertanyaan Menteri di De-



MOHAMMAD SABU

wan Rakyat di sini, semalam.

Beliau menjawab soalan **Rodziah Ismail (PH-Anjung)** mengenai perancangan menangani lonjakan harga produk berasaskan kelapa, terutama santan yang boleh menjejaskan keseluruhan rantaian bekalan dan nilai berteraskan kelapa.

Mohamad berkata, tindakan intervensi seimbang antara pengurusan bekalan, penyelidikan dan pembangunan serta sokongan kerajaan sudah diambil untuk menangani isu lonjakan harga produk berasaskan kelapa, terutama santan bagi jangka pendek, pertengahan dan panjang.

Berdasarkan Laporan Perangkaan Agromakanan Malaysia 2023, katanya, di negara ini menunjukkan peningkatan kepada 623,663 tan pada 2023, berbanding 536,606 tan pada 2019.

## Dua kawasan baharu penanaman padi dibuka

**Iskandar Puteri:** Kerajaan negeri meningkatkan pengeluaran beras dengan menambah kawasan penanaman makanan ruji itu seluas 80 hektar di Kahang, Kluang serta Sungai Balang, Muar, tahun ini.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar Negeri Johor, Datuk Zahari Sarip berkata, pembukaan dua kawasan baharu itu hasil peruntukan RM2 juta dalam Belanjawan 2025.

"Alhamdulillah, pembukaan kawasan baru penanaman padi di Kahang seluas 20 hektar bermula tahun le-

pas dan disasarkan akan menambah keluaran padi sebanyak 60 metrik tan semusim yang dijangka pada Mei ini.

"Kini kerja-kerja bagi pembukaan 10 hektar lagi sedang dilaksanakan dan akan menambahkan lagi pengeluaran sebanyak 20 metrik tan semusim.

"Tambahkan lagi 50 hektar penanaman padi kawasan baru di Sungai Balang, Muar pula dijangka akan memulakan proses penanam pada Mei ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas Mesyuarat Jelajah Orang Johor di Kota Iskandar di sini, kelmarin.

**Lokasi terletak di Kahang, Kluang serta Sungai Balang, Muar**

## Terima 60 tan metrik kelapa tua import



**Kuala Terengganu:** Isu kekurangan bekalan kelapa tua sepanjang Ramadan ini segera diatasi apabila Terengganu menerima sebanyak 60 tan metrik kelapa tua menerusi Pelan Intervensi Kelapa Tua, semalam.

Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) Terengganu, Muhammad Fadlee Hassan berkata, pihaknya memberi jaminan jumlah itu mencukupi untuk keperluan orang ramai sepanjang Ramadan dan Aidilfitri.

Beliau berkata, Fama mengimport sebanyak 650 metrik tan (mt) kelapa tua untuk memenuhi keperluan orang ramai pada bulan Ramadan dan Syawal tahun ini.

"Pada Januari dan bulan sebelum diedar ke outlet Fama, pemborong, peniaga santan. "Dua minggu sebelum Aidilfitri, kita jangka permintaan meningkat sehingga 20 tan seminggu. Jadi, kita akan bawa masuk keseluruhan 60 tan untuk membeli secara terus.

menampung permintaan pada bulan ini (Mac)," katanya, semalam.

Beliau berkata, bekalan yang diterima daripada Ibu Pejabat Fama itu akan dihantar ke Pusat Operasi Fama di sini, dan Besut untuk diagihkan kepada outlet peruncitan di bawahnya.

Muhamad Fadlee berkata, ketika ini bekalan kelapa tua dijual pada harga RM3 sekilogram dan harganya akan berubah mengikut pasaran semasa disebabkan beberapa faktor termasuk masalah kekurangan bekalan serta persaingan permintaan di peringkat global.

"Kenaikan harga kelapa di Malaysia disebabkan merosotan bekalan ekoran perubahan iklim," katanya.

## Kenaikan harga kelapa import punca harga santan naik

**KUALA LUMPUR** – Kenaikan harga santan segar secara mendadak di pasaran sejak Novem-ber lalu berpunca daripada kenaikan harga kelapa yang di-import dari Indonesia. Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, harga kelapa, diimport dari Indonesia naik berikutan peningkatan eksport kelapa negara berkenaan ke China.

Menurutnya, trend petani tempatan lebih cenderung menjual kelapa muda berbanding yang tua turut menyumbang kepada bekalan tidak mencukupi untuk pemrosesan santan.

"Kebanyakan mereka yang tanam kelapa di negara ini memilih untuk menjual kelapa muda kerana harga lebih tinggi dan tempoh tuai lebih singkat. Ini juga memberi kesan kepada harga kelapa tempatan berikutan permintaan lebih tinggi.


"Faktor cuaca seperti kemarau dan banjir juga memberi ke-

san kepada pengeluaran kelapa di ladang," katanya menjawab soalan Rodziah Ismail (**PH-An-pang**) berhubung langkah kerajaan menangani lonjakan harga produk berasaskan kelapa terutama santan di sidang Dewan Rakyat di sini semalam.

Mohamad berkata, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan FAMA Corporation Sdn. Bhd. (Famaco) telah menggerakkan langkah menstabilkan harga dengan memastikan bekalan diperoleh.

Katanya, sehingga Selasa lalu, FAMA dan Famaco telah membawa masuk bekalan kelapa tua dikupas sebanyak 734 tan metrik dari Sabah dan Indonesia, dengan nilai belian berjumlah RM2.01 juta.

Jelas beliau, bekalan kelapa tua tersebut seterusnya diedarkan oleh 42 buah Pusat Operasi FAMA ke pasaran melalui 509 buah outlet pemasaran FAMA selain diagihkan kepada 16 pemborong dan 202 orang usahawan santan di seluruh negara.



**FAKTOR** cuaca seperti kemarau turut memberi kesan kepada pengeluaran kelapa di ladang. – GAMBAR HIASAN

# FAMA bawa masuk 60 tan kelapa

- **Menampung keperluan Ramadan penduduk di Terengganu**
- **Turut melibatkan pemborong, peniaga**

Oleh KAMALIZA KAMARUDDIN

**KUALA TERENGGANU** – Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Terengganu mengambil inisiatif membawa masuk 60 tan kelapa tua bagi menampung keperluan penduduk negeri ini sepanjang bulan Ramadan ini.

Pengarah FAMA Terengganu,

Muhamad Fadlee Hassan berkata, bekalan kelapa tua tersebut diimport daripada negara Indonesia menerusi pelan intervensi kelolaan FAMA Corporation Sdn. Bhd. yang merupakan anak syarikat agensi itu.

"Sebanyak 10 tan kelapa tua akan dibawa masuk masing-masing pada minggu pertama dan kedua Ramadan.

"Bagi minggu ketiga dan keempat pula, penghantaran melibatkan 20 tan sebagai persiapan menyambut Hari Raya Aidilfitri," katanya ketika ditemui di Pusat Operasi FAMA Terengganu, Chendering di sini, semalam.

Terdahulu beliau meninjau proses penerimaan sebahagian bekalan kelapa tua terbabit.

Muhamad Fadlee berkata, bekalan kelapa tua tersebut akan diedarkan ke semua premis pemasaran kelolaan FAMA seperti Agrobazaar Kedai rakyat (AKR) dan Agrobazaar Rakyat (ABR) di seluruh Terengganu.

Beliau berkata, bekalan kelapa tua terbabit juga mendapat tempahan daripada pemborong dan juga peniaga santan sekitar negeri ini.

"Inisiatif FAMA ini diharapkan dapat memenuhi keperluan orang ramai di sepanjang bulan Ramadan dan Syawal lagi.

"Kita mengalami kenaikan harga termasuk kelapa import disebabkan kemerosotan bekalan ekoran perubahan iklim serta peningkatan permintaan," katanya.



**MUHAMAD FADLEE (Kiri) memeriksa sebahagian bekalan kelapa tua yang diterima di Pusat Operasi FAMA Terengganu, Chendering, Kuala Terengganu semalam.**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/3/2025	KOSMO	NEGARA	19

## Peruntuk RM2 juta tambah kawasan tanam padi di Johor

**ISKANDAR PUTERI** – Kerajaan negeri bakal mewujudkan kawasan sawah padi baharu seluas 80 hektar tahun ini dan tahun depan sebagai usaha menangani isu kekurangan bekalan.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar Negeri Johor, Datuk Zahari Sarip berkata, peruntukan RM2 juta akan digunakan untuk pelaksanaan program itu.

Katanya, sawah padi baharu itu melibatkan kawasan seluas 30 hektar di Kahang dan Kluang, manakala 50 hektar lagi di Sungai Balang, Muar.

“Kawasan 30 hektar di Kahang akan mengeluarkan hasil sehingga 80 tan padi semusim, manakala dengan pertambahan 50 hektar lagi di Sungai Balang, ia akan menjadikan keseluruhan kawasan sawah padi aktif di Johor kepada 1,693 hektar dengan sasaran tambahan 240 tan semusim.

“Hasil keluaran padi menerusi inisiatif ini bakal digunakan untuk pasaran domestik terlebih dahulu bagi menangani isu kekurangan bekalan makanan tersebut,” katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan Mesyuarat Proposal Jelajah Orang Johor@DUN Parit Raja di Kota Iskandar, di sini semalam.

Menurutnya, walaupun sawah padi Johor merupakan kawasan di luar inisiatif jelajah padi negara, namun kerajaan negeri menyokong agenda meningkatkan

produktiviti pengeluaran padi dan beras negara.



**ZAHARI menabur benih padi pada program di Kahang, Kluang baru-baru ini.**

produktiviti pengeluaran padi dan beras negara.

“Johor menyasarkan produktiviti pengeluaran padi per hektar melebihi sasaran purata nasional. Pembukaan kawasan tanaman padi baharu juga akan diteruskan sekiranya terdapat

keperluan pada masa depan.

“Diharap usaha ini dapat meningkatkan pengeluaran dan menyumbang kepada peningkatan pengeluaran padi negara, sekaligus mengurangkan isu kekurangan bekalan makanan ruji rakyat Malaysia,” katanya.

# Johor sasar tambah 80 hektar sawah

**Iskandar Puteri:** Kerajaan negeri menyasarkan penambahan kawasan sawah baharu seluas 80 hektar dalam tempoh dua tahun, dalam usaha meningkatkan pengeluaran dan menyumbang kepada peningkatan Kadar Sara Diri (SSR) padi negara.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar Johor, Datuk Zahari Sarip, berkata penambahan itu membabitkan kawasan seluas 30 hektar di Kahang, Kluang dan 50 hektar di Sungai Balang, Muar dengan peruntukan RM2 juta.

"Alhamdulillah, pembukaan kawasan baharu penanaman padi di Sawah Kahang seluas 20 hektar sudah bermula tahun lalu dan disasarkan akan menambah keluasan padi sebanyak 60 tan semusim yang dijangka pada Mei ini.

"Kini kerja-kerja bagi pembukaan 10 hektar lagi sedang dilaksanakan dan akan menambahkan lagi pengeluaran sebanyak 20 tan semusim. Sawah Kahang ini akan diusahakan Koperasi Pesawah Kahang, dengan keahlian seramai 55 orang.

"Tambahkan lagi 50 hektar pe-

nanaman padi kawasan baharu di Sungai Balang, Muar, yang dijangka mulakan proses menanam pada Mei ini," katanya kepada pemberita selepas Mesyuarat Jajarah Orang Johor di Kota Iskandar, di sini.

Zahari berkata, penambahan kawasan tanaman padi itu men-

jadikan jumlah keseluruhan tanaman sawah padi di Johor seluas 1,693 hektar, dengan sasaran tambahan 240 tan semusim.

Beliau berkata, walaupun keluasan sawah padi di Johor tidak seluas di kawasan jelapang padi negara, pihaknya menyoalkan produktiviti pengeluaran padi setiap hektar melebihi sasaran purata nasional.

Setakat ini, Johor mempunyai 10 kawasan sawah padi luar jelapang berjumlah 2,254.39 hektar merangkumi di Tangkak (842.97 hektar), Muar (364.22 hektar), Mersing (549.38 hektar), Batu Pahat (141.70 hektar) dan Kluang (356.12 hektar) membabitkan 900 pesawah.

Hasil pengeluaran padi bagi musim utama 2023/2024 adalah sebanyak 6,415 tan dengan purata hasil 4,605 tan per hektar.

**Kini kerja-kerja bagi pembukaan 10 hektar lagi sedang dilaksanakan dan akan menambahkan lagi pengeluaran sebanyak 20 tan semusim. Sawah Kahang ini akan diusahakan Koperasi Pesawah Kahang, dengan keahlian seramai 55 orang**



**Zahari Sarip,**  
Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri  
Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar Johor

7/3/2025

UTUSAN  
MALAYSIADALAM  
NEGERI

28

## Johor tambah sawah padi 80 hektar

**ISKANDAR PUTERI:** Kerajaan negeri akan mewujudkan kawasan sawah padi baharu seluas 80 hektar pada tahun ini dan tahun depan sebagai usaha menangani isu kekurangan bekalan komoditi tersebut.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar negeri, Datuk Zahari Sarip berkata, peruntukan RM2 juta akan digunakan untuk melaksanakan program meluaskan kawasan sawah seluas 30 hektar di Kahang, Kluang serta 50 hektar di Sungai Balang, Muar.

"Kawasan 30 hektar di Kahang mampu menghasilkan sehingga 80 tan padi semusim, manakala dengan pertambahan 50 hektar lagi di Sungai Balang, ia akan menjadikan keseluruhan kawasan sawah padi aktif di Johor sebanyak 1,693 hektar dengan sasaran tambahan 240 tan semusim.

"Hasil keuaran padi menerusi inisiatif ini bakal digunakan untuk pasaran domestik terlebih dahulu bagi menangani isu kekurangan bekalan makanan tersebut," katanya selepas membentangkan Mesyuarat Proposal Jelajah Orang Johor@DUN Parit Raja di Kota Iskandar, di sini.

Zahari berkata, kerajaan negeri menyokong agenda meningkatkan produktiviti pengeluaran padi dan beras negara.

## Raih 5,000 sebulan hasil tanaman kontan di tanah wakaf MAIDAM

**KUALA TERENGGANU** - Kegigihan seorang petani mengusahakan tanaman kontan di atas tanah wakaf Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) di Kampung Gelugur Kayu Tinggi di sini membuahkan hasil apabila meraih pendapatan kasar sekitar RM5,000 sebulan.

Dhalim Ismail, 51, mengusahakan tanaman bendi dan terung di atas tanah seluas 0.4 hektar (1 ekar) yang disewa dengan bayaran RM400 setahun.

Bapa kepada tujuh anak itu berkata, hasil yang diperolehi mampu menajana pendapatan bagi menampung keluarga termasuk pengajian dua anaknya di universiti.

"Tapak ini asalnya bekas bendang padi. Saya mempunyai jentera sendiri dan segala usaha termasuk kos penyediaan tanah, benih hingga tanaman dijalankan sendiri tanpa bantuan luar.

"Saya mula menyewa tanah seluas satu ekar ini pada 1 Julai 2024 dengan kontrak sewaan selama dua tahun sehingga 31 Julai 2026," katanya ketika ditemui pemberita di kawasan tanaman tersebut di sini pada Rabu.

Dhalim berkata, benih mula ditanam pada 17 Disember 2024 dan hasil pertama mula dituai pada awal Februari tahun ini.

"Tanaman ini sekarang telah membuahkan hasil apabila kira-kira 150 kilogram (kg) terung dan 22kg bendi berjaya dikutip setiap hari.



**Dhalim menunjukkan buah terung yang telah dituai dan sedia untuk dijual kepada pembeli.**

"Bendi perlu dikutip setiap hari manakala terung dituai setiap tiga hari sekali sebelum dijual terus kepada pembeli," ujarnya.

Sementara itu, Penolong Setiausaha (Pendanaan Wakaf) MAIDAM, Siti Hajah Endut memuji usaha Dhalim dan menyifatkannya sebagai contoh terbaik dalam memanfaatkan tanah wakaf untuk tujuan pertanian.

"Tanah ini telah diwakafkan oleh Tengku Wook pada 26 September 1972. Hasil sewaan sebanyak RM400 setahun ini akan diagihkan kepada Masjid Gelugor Haji Tahir bagi pembangunan infrastruktur, kemudahan jemaah dan imarah masjid," ujarnya.